

Dari Piksel Ke Memori: Game Inc 2024, Legasi Terakhir MC111

13/06/2024 17:00 MYT

Ditulis oleh: Kendra Joseph

Game Inc.. merupakan acara tahunan anjuran pelajar semester 4 Diploma MC111 di bawah kursus Game Monetization (NMC 252). Acara ini diperkenalkan pada tahun 2016 dan menjadi satu tradisi kepada semua pelajar MC111 untuk menganjur dan menyertai acara ini. Tahun ini merupakan Game Inc. kali ke-9 dan yang terakhir untuk pelajar MC111. Pada 13 Jun 2024 berikutan dengan hari ketiga acara tersebut, majlis penutupan Game Inc.. telah diadakan secara lebih gempak dan istimewa sebagai kenangan yang manis untuk semua pelajar MC111.

Majlis penutupan Game Inc.24 dimulakan dengan sesi ucapan oleh penasihat projek, Puan Noorazura binti Durani yang menyentuh hati para hadirin kerana merupakan hari terakhir beliau sebelum melepaskan tangan sebagai penasihat projek bagi Game Mini Carnival atau Game Inc. Ucapan turut dilanjutkan lagi oleh Puan Siti Nur Farrah Faadiah Binti AB Ghani yang merupakan koordinator program. Beliau turut menyumbangkan beberapa ayat yang memberi pengajaran kepada semua. Tidak lupa juga dengan acara pemotongan kek di hadapan pentas di mana perasaan teruja dan gembira tertera pada air muka para pensyarah berserta ahli-ahli jawatankuasa Game Inc sebaik sahaja kek dinyalakan.

Sebaik sahaja kek Game Inc dipotong, video montaj imbas kembali Games Inc. telah dimainkan di pentas untuk para penonton. Video yang dihasilkan oleh kumpulan videografi disunting dengan hebat bahkan berjaya mengumpulkan sorakan yang kuat oleh para hadirin dewan. Susulan daripada itu, tiba giliran ketua projek Game Inc., Muhammad Anas untuk menyampaikan sepatah dua kata ke hadirin dewan. Ucapan Anas ternyata sangat telus dan ikhlas sehingga air matanya mengalir di hadapan orang ramai, perkara ini menguatkan lagi emosi yang Anas cuba sampaikan kepada para hadirin dalam ucapannya.

Aktiviti yang selanjutnya termasuklah beberapa penyampaian hadiah untuk kategori-kategori seperti pertandingan kostum atau ‘cosplay’, pemenang kepada poster terbaik, *booth* pameran terbaik, video treler terbaik dan akhir sekali permainan terbaik. Hasil temu duga dengan pemenang *booth* pameran terbaik, iaitu Nurin Damia dari kumpulan *The Peaches* yang menghasilkan permainan *Peach Run* memberi serba sedikit mengenai inspirasi hiasan daripada *booth* mereka. Damia berkongsi bahawa *booth* yang didirikan oleh mereka mengambil inspirasi dari permainan *Super Mario* di mana palet warna utama yang dipilih adalah merah jambu. *Booth* *The Peaches* amatlah menarik perhatian kerana mempunyai elemen seperti kotak kuning bertingkat, duit syiling emas bersaiz besar, paip hijau diperbuat daripada kad Bod, belon-belon yang bersinar terang serta watak-watak yang menyempurnakan lagi mengapa *booth* mereka layak digelar pemenang.

Secara kesimpulannya, Game Inc. banyak membawa manfaat dan kenangan yang pahit manis kepada para pelajar MC111 dan sesiapa yang turut menyertai dalam acara ini. Peluang yang diberi untuk menjadi salah satu *beta tester* atau penguji beta bukan sahaja tentang bermain permainan, tetapi ia merupakan sebahagian daripada pengalaman yang

jarang kita akan alami dalam hidup ini. Ada antara mereka yang pertama kali menerokai dunia baharu dan baru sahaja kenali apa makna yang sebenar untuk menjadi seorang pemain permainan video. Pengalaman yang dikongsi ini memupuk rasa komuniti yang unik, di mana mereka sama-sama menakluki cabaran, berkongsi strategi dan membuat penemuan yang diraikan bersama. Persahabatan yang terukir dalam pengalaman ini tentu bertahan lama sehingga di usia yang tua.

Sebagai penutup kata, kita jangan lupa juga dengan para pengajar acara Game Inc.24 dan sebelumnya. Kejayaan acara ini bergantung dengan kegigihan dan usaha para pencipta permainan dan pengajar yang telah bertungkus lumus untuk menjadikan acara 3 hari ini berlangsung dengan lancar. Oleh itu, jika anda menyertai mana-mana acara menjadi pengujinya beta permainan, ingatlah bahawa ada sekelompok manusia yang bekerja keras untuk memberikan anda pengalaman yang seronok dan penuh dengan kegembiraan. Inilah bukti dedikasi insan-insan di sebalik Game Inc, inilah MC111.









